

# SCINNOV8 pameran hasil penyelidikan mahasiswa MSU



**Prof Mohd Shukri (kanan)** melihat sebahagian pameran SCINNOV8.

**Shah Alam:** Pameran Science and Innovation (SCINNOV8) 2018 anjuran Faculty of Health and Life Sciences (FHLS), baru-baru ini, menjadi platform kepada mahasiswa Management & Science University (MSU) untuk berkongsi hasil penyelidikan idea kreatif dan inovatif mereka.

Ia mempamerkan pembelajaran kreatif, aktiviti penyelidikan, kerjaya oleh rakan industri MSU dan Ekspo Teknologi Makanan, selain menganjurkan pelbagai aktiviti seperti Pertandingan Poster Bio-Science, Sharp Eye Scientist, Crime Case Challenge, pertandingan pengucapan awam dan larian amal Obstacle Challenge Run.

SCINNOV8 yang dirasmikan oleh Presiden MSU, Profesor Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid bertujuan menyediakan peluang terbaik kepada mahasiswa untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan secara kreatif dan inovatif serta relevan dengan industri.

## **Kerjasama industri**

Program yang menyaksikan kerjasama erat MSU dan pihak industri melalui University Industry Advisory Panel (UIAP) turut memberi peluang kepada mereka mempamerkan perkembangan semasa syarikat masing-masing serta teknologi terkini yang diguna pakai dalam industri.

Antara rakan industri yang terbabit ialah Matrix Optix Sdn Bhd, Prima Nexus Sdn Bhd, Qiagen Sdn Bhd, National Cancer Society dan National Kidney Foundation.